

Siri Monograf Dakwah 1

Jelaskan *Wadah*
Perbaharui *Tekad*
(Pesanan Buat Generasi Muda Islam)

7.4
W

Anwar Ibrahim



Siri Monograf Dakwah 1

Jelaskan *Wadah*
Perbaharui *Tekad*
(Pesanan Buat Generasi Muda Islam)

Anwar Ibrahim



Anwar Ibrahim

JELASKAN *Wadah*
PERBAHARUI *Tekad*
(Pesanan Buat Generasi Muda Islam)

“Jasad saya boleh dipenjara,
tetapi jiwa saya tetap merdeka.”



ANWAR IBRAHIM



2010

PUSTAKA PERDANA



1013501

Jelaskan Wadah Perbaharu Tekad

@Anwar Ibrahim 2010

Hakcipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada buku ini yang boleh disiarkan semua dalam sebarang bentuk dan dengan apa cara sekalipun, termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya, tanpa mendapat izin bertulis daripada Penerbit dan pemilik hakcipta.

Diterbitkan oleh:

PENERBITAN ILHAM BARU
60-1, Jalan Telawi, Bangsar Baru,
59100 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2284 1975
Faks: 603-2283 5613
Emel: ilhambaru1@gmail.com
Bagi pihak **ABIM** dan **IKDAS**

Editor: BAM AL-HAJ (bam.alhaj@gmail.com)
Pereka Letak: Aisuka Creative Enterprise
Pereka Kulit: Hafiz Artwork Inc.

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Anwar Ibrahim, 2010

JELASKAN WADAH PERBAHARU TEKAD
ISBN 978-967-5642-15-9







JELASKAN WADAH PERBAHARU TEKAD
1. Pemikiran Islam 2. Pendidikan 3. Dakwah I. Judul

Dicetak oleh:
Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Pemasaran: IKDAS Sdn. Bhd. (03-2284 1975)

Muka Taip Teks: Calisto MT
Saiz Teks: 12/15

KANDUNGAN

| | |
|--|--|
|  KATA PENERBIT |  ix |
|  KATA PENGANTAR |  xi |
|  MENGENALI ANWAR IBRAHIM |  xv |

Risalah Pertama

| | |
|--|--|
| JELASKAN WADAH PERBAHARU TEKAD (PESANAN BUAT GENERASI MUDA ISLAM) |  1 |
|--|--|

| | |
|--------------------------------|---|
| MENGINGAT MUKTAMAR LALU |  2 |
|--------------------------------|---|

| | |
|---|---|
| ANCAMAN PENJAJAHAN YANG BERTERUSAN |  4 |
|---|---|

| | |
|--|---|
| GOLONGAN INTELIGENTSIA WARISAN PENJAJAH |  9 |
|--|---|

KEMARAAN KOMUNIS

18

SUASANA KEPINCANGAN

22

THE RISING TIDE OF ISLAM

30

**PEMBERSIHAN DAN
KEANGGOTAAN AMALI**

35

PERSPEKTIF BARU

43

SATU WADAH PERJUANGAN

48



KATA PENERBIT

DALAM sejarah perkembangan ABIM sebagai sebuah gerakan dakwah, terdapat beberapa tempoh masa atau era yang amat penting dan menonjol yang telah mempengaruhi pembentukan watak dan indentiti pergerakannya. Era kepimpinan Saudara Anwar Ibrahim (1974-1981) (kini Dato' Seri) ialah salah satu dari tempoh yang mustahak itu.

Siri Monograf Dakwah ini akan mengembalikan kita menelusuri semula dari awal kisah perjuangan ABIM. Ia adalah himpunan cerita satu perjalanan dan pertumbuhan sebuah idealisme. Di dalamnya terkandung catatan segar tentang cita-cita besar golongan muda terhadap agama, negara dan tamadunya. Saya pasti anda akan asyik menelaahnya nanti. Bahasanya bersahaja, namun terkandung hikmah dan keazaman yang tulus. Apa yang lebih mendorong ialah luahan iltizam yang jelas dan tegas bagi memperbaiki dan memperbaharui keperibadian ummah agar terus maju dan maju setanding dengan peradaban lain. Iltizam ini ialah bagi menjana arus *nahdah*

– gelombang kebangkitan Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh. Meneruskan warisan arus *nahdah* ini ialah watak dan identiti asasi ABIM hingga ke hari ini.

Sepanjang memimpin ABIM, Saudara Anwar Ibrahim telah meletakkan asas yang kukuh terutama dari segi dasar pemikiran, kebudayaan dan pendekatan pergerakan ini di dalam mendepani cabaran mendatang. Watak ABIM sebagai gerakan ilmiah dan kerohanian amat utuh. Ia tercerna dengan jelas sekiranya kita telusuri setiap baris siri monograf kawah yang pertama ini. Yang lebih mustahak lagi ialah himpunan ini diungkapkan di dalam persekitaran sejarahnya yang sungguh mencabar. Monograf ini terkandung kisah pemikiran penulis di pentas sosial terbuka masyarakat Malaysia pasca awal kemerdekaan serta juga semasa beliau terpenjara.

ABIM berasa sungguh bersyukur di atas penerbitan monograf ini kerana ia adalah antara saksi keberadaannya di pentas sejarah perjuangan dakwah. Apa yang lebih penting lagi ialah ia akan menjadi warisan hikmah untuk generasi hari ini dan seterusnya tentang tuntutan bagi kita menjayakan perjuangan dakwah ini selamanya.

“Demi Kebenaran dan Keadilan”

Muhammad Razak Idris

Presiden ABIM

1 Ogos 2010

KATA PENGANTAR

BUKU *Jelaskan Wadah Perbaharu Tekad* adalah ucapan dasar Dato' Seri Anwar Ibrahim semasa memimpin ABIM pada tahun 1975. Ia merupakan dokumentasi penting yang perlu diketengahkan semula memandangkan isi dan intipati perbincangannya masih lagi sesuai untuk dihayati hari ini. Tema dan perbahasan yang diutarakan oleh beliau semasa zaman mudanya (ketika itu Anwar Ibrahim berumur 28) sebagai Presiden ABIM 35 tahun yang lalu itu masih lagi relevan dengan zaman sekarang.

Anwar Ibrahim adalah seorang tokoh luar biasa yang cukup kritikal dan berwibawa sejak awal penampilannya pada akhir tahun 1960-an hingga sekarang. Bermula sebagai seorang pengawas di MCKK, beliau meneruskan penampilannya dalam zaman mahasiswa di Universiti Malaya sebagai Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) dan kemudian menyandang jawatan Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Beliau dan rakan-rakannya menubuhkan ABIM pada tahun 1971.

Semasa memimpin ABIMlah kepemimpinannya benar-benar terserlah. Selain daripada gaya berpidatonya yang cukup memikat, idea dan bahan-bahan yang diketengahkan oleh beliau begitu bernas dan kena pada waktunya. Isu-isu seperti kemiskinan, keadilan sosial, Islam sebagai *ad-Din* yang *syumul* (cara hidup yang menyeluruh), sekularisasi, dakwah, pendidikan dan pembangunan insan amat dekat di hati beliau. Kupasannya yang tajam dan sarat dengan hujah-hujah yang berautoriti menyebabkan beliau dilihat sebagai pemimpin masa hadapan, sehingga pernah dilamar oleh Tun Razak untuk menyertai UMNO pada tahun 1970-an lagi, tetapi ditolak oleh beliau. Sebaliknya beliau sanggup merengkok dalam penjara demi menegakkan prinsip perjuangannya yang berlandaskan Islam dan keadilan sejagat.

Apa yang paling menarik dalam buku ini ialah bahawa idea-idea yang dikupasnya semasa dalam NGO itu cuba diterjemahkannya dalam bentuk yang praktikal semasa dalam UMNO dan kerajaan. Salah satu idea besar beliau semasa dalam PKPIM dan ABIM ialah cadangan untuk menubuhkan Universiti Islam yang kemudian menjadi realiti pada tahun 1984 apabila beliau berada dalam kerajaan. Bagi membasmi kemiskinan dan membetulkan kepincangan ekonomi dalam masyarakat, beliau mengusahakan penubuhan Bank Islam, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Pasar Tani semasa berada dalam kerajaan. Bagi meningkatkan kefahaman Islam di kalangan pelajar, beliau mempelopori penggubalan

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) di mana subjek Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam/Moral merentas kurikulum. Beliau turut membela rakyat yang miskin dan tidak mempunyai rumah dengan cara menetapkan kuota pembinaan hartanah di mana pemaju mesti membina 30% rumah murah mampu milik berharga di bawah RM35,000.00 sebuah untuk golongan berpendapatan rendah.

Idea dan prinsip yang dipegangnya tidak pernah berubah. Beliau tidak pernah mengalah atau menggadaikan prinsip perjuangan demi membela agama dan rakyat tertindas. Beliau sanggup meringkuk dalam penjara demi keadilan dan kebenaran. Beliau sanggup memilih sengsara daripada berkompromi dan bersekongkol dengan kebatilan dan kemungkaran, kronisme dan kerakusan kuasa sesetengah pemimpin.

Pegangannya kepada prinsip perjuangan inilah yang menyerlah kewibawaannya sebagai pemimpin yang berkarisma. Kepemimpinannya patut menjadi contoh kepada generasi muda hari ini. Idea dan pandangannya boleh dijadikan rujukan dan panduan; manakala perjuangannya sebagai seorang reformis tulen pula patut dihayati oleh kita semua.

Sesungguhnya, gagasan reformasi yang disebut-sebut orang hari ini sudah dilaungkan dan dikumandangkannya sejak zaman mudanya lagi. Beliau menginginkan satu reformasi yang menyeluruh dalam bidang dakwah, pendidikan, pembangunan, politik dan kemasyarakatan

demii membela nasib rakyat tanpa mengira kaum.

Saya fikir penerbitan buku ini bertepatan dengan hasrat rakyat yang dahagakan perubahan. Dan perubahan apa pun tentulah harus dimulai dengan perubahan minda dan pembangunan generasi. Melalui buku ini Anwar Ibrahim menghidangkan idea-idea asli (*original*) dan berkesan dalam membina generasi Rabbani, generasi hebat yang sentiasa mengabdikan diri kepada ALLah S.W.T. dan memakmurkan dunia sebagai khalifah-Nya.

Semoga penerbitan **Siri Monograf Dakwah** atas kerjasama ABIM ini dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada generasi muda dan menjadi rujukan pada masa hadapan. Buku ini adalah sumbangsih kami terhadap kelangsungan ABIM sebagai gerakan Islam yang mandiri dan berwibawa sempena ulangtahun ABIM yang ke-40. Kepada ALLah S.W.T. jualah kami serahkan segala amal bakti dan komitmen perjuangan Islam ini.

Kamarudin Jaffar

Ahli Parlimen Tumpat

MENGENALI ANWAR IBRAHIM

DATUK Seri Anwar bin Datuk Ibrahim Abdul Rahman adalah Ketua Pembangkang yang digeruni dan dihormati oleh lawan dan rakan politiknya. Beliau dilahirkan pada 10 Ogos 1947 di Ceruk Tok Kun, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Anwar bermaksud 'bercahaya'. Ayahandanya Datuk Haji Ibrahim bin Abdul Rahman adalah bekas ahli Parlimen dan Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala bondanya Datin Che Yan Hussein adalah ahli pidato Pergerakan Wanita UMNO dan Anwar sering dibawa ke majlis-majlis ceramah wanita.

Semasa kecil, beliau bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Stowell, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kemudian, beliau meneruskan pengajian persekolahan menengahnya di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dari tahun 1960 hingga 1966. Semasa di MCKK, beliau aktif dalam Persatuan Bahasa Melayu dan wakil pemedato sekolahnya. Beliau juga pernah dilantik sebagai pengawas

MCKK. Semasa di MCKK, Anwar mengenali Sanusi Junid, Kamaruddin Jaafar dan Yahaya Ahmad. Selepas itu pada tahun 1967, beliau melanjutkan pelajaran tinggi di Universiti Malaya dalam Pengajian Melayu (Sastera).

Di Universiti Malaya, Anwar bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan. Pada tahun 1968 beliau dipilih menjadi Presiden Persatuan Bahasa Melayu (PBMUM). Pada tahun itu juga beliau dipilih sebagai Presiden Kesatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Aaranya sebagai pemimpin begitu menyerlah apabila beliau dan rakan-rakannya menubuhkan ABIM pada tahun 1971 melalui resolusi Persidangan Agung Tahunan yang Ke-10 PKPIM. Beliau dipilih sebagai Setiausaha Agung (1972-74) dan kemudian dipilih sebagai Presiden ABIM (1974-81). Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM) (1972-76) dan dilantik sebagai Penasihat Majlis Belia Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1973.

Kepemimpinannya dalam ABIM (1971-81) begitu menyerlah dan sering menjadi perbualan masyarakat ketika itu. Keberanian dan kelantangannya memperjuangkan isu-isu kemasyarakatan dan antarabangsa semakin mendapat dukungan ramai. Antara demonstrasi yang besar ialah tunjuk perasaan anti-Amerika di kedutaan Amerika Syarikat pada tahun 1974.

Isu kemiskinan orang kampung akibat penurunan harga getah dan manipulasi orang tengah sentiasa mendapat tempat di hati beliau. Satu demonstrasi besar-besaran di

Universiti Malaya untuk membela nasib petani Baling pada tahun 1974. Satu lagi demonstrasi yang turut diadakan di Alor Star disertai oleh puluhan ribu penduduk Baling dan mahasiswa universiti amat membimbangkan kerajaan. Akibat kelantangannya dan dituduh sebagai pencetus tunjuk perasaan sejak tahun 1969-1974, beliau ditangkap pada 3 Disember 1974 dan kemudian ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) selama dua hingga September 1976.

Walaupun dipenjarakan, beliau terus memimpin ABIM. Teks ucapan dan perutusan penting beliau ini dikirimkan dari penjara Kemunting sempena muktamar ABIM pada tahun 1975 dimuatkan dalam monograf ini merupakan pesannya kepada para pendukung dakwah ABIM begitu meresap di hati dan menjadi pencetus semangat perjuangan yang lebih mantap dan mendalam.

Dalam ucapan yang dibacakan oleh Sdr. Fahil Noor (Almarhum Dato', mantan Presiden PAS) selaku pemangku Presiden ABIM, Anwar meminta supaya rakan-rakan pimpinan ABIM di semua peringkat supaya merapatkan saf dan meneguhkan tekad bagi memperjuangkan Islam sebagai satu amanah Allah kepada umat Islam, khususnya generasi muda pada pendukung dakwah dan harakah Islamiah.

Setelah dibebaskan dari penjara, beliau terus mempertingkatkan kegiatannya bersama ABIM. Dengan keyakinan yang tinggi, beliau berjaya menambah jumlah ahli ABIM hingga mencecah angka 35,000.

Walaupun beliau meninggalkan ABIM secara mengejut pada pada 29 Mac 1982 untuk menyertai UMNO, pemergiannya ditangisi oleh sebahagian besar warga ABIM ketika itu. Walaupun begitu, sebagai tokoh gerakan Islam dan pemimpin yang unggul, sebahagian para pengikutnya kini masih bersamanya.

Beliau melonjak dengan cepat dalam politik sehingga dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO (1993) dan kemudian dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri sehingga menyebabkan beliau begitu dicemburui oleh sesetengah pihak. Pada 2 September 1998, beliau dipecat oleh Dr. Mahathir dan ditahan di bawah ISA dan kemudian dipenjarakan di Penjara Sg. Buluh (1999-2004). Apabila dibebaskan, beliau terus aktif dalam politik pembangkang dan Pakatan Rakyat berjaya menafikan majoriti 2/3 Barisan Nasional pada Pilihan Raya Umum Ke-12 pada 8 Mac 2008. Kini beliau bertindak sebagai Ketua Pembangkang di parlimen.

Sebagai sahabat yang mengenali beliau secara rapat, saya berpendapat bahawa sosok keperibadian manusia bernama Anwar Ibrahim ini benar-benar boleh dianggap seorang reformis tulen dan pemimpin yang mementingkan orang lain – rakyat dan orang bawahannya. Saya dapat melihat betapa beliau begitu gigih dan tabah dalam menghadapi pelbagai cabaran dan ranjau berduri sepanjang perjuangannya. Biarpun ditangkap, dihukum, dihina, dizalimi dan difitnah oleh musuh politiknya yang kebetulan memegang tampuk kekuasaan dan media arus perdana, dan

bahkan ditinggalkan oleh sesetengah sahabatnya dahulu, baik dalam NGO mahupun UMNO, beliau tidak pernah sekali pun mengeluh mahu pun menyerah kalah. Prinsipnya teguh, jiwanya kental dan komitmennya tetap tidak goyang.

Sumbangan beliau turut diiktiraf di peringkat antarabangsa. Beliau menerima *Pingat Utama Iqbal 100 Tahun* oleh Presiden Zia Ul-Haq, Presiden Pakistan pada tahun 1979. Majalah *Newsweek* menamakan Anwar sebagai 'Tokoh Asia 1998'. Pada tahun 2004, majalah *Time* Anwar dipilih sebagai hero kedua Asia di belakang Aung San Suu Kyi (Myanmar). Anwar merupakan satu-satunya warga Malaysia yang tersenarai di dalam 100 orang yang dikatakan paling berpengaruh di dunia oleh majalah *Time* pada tahun 2008.

Saya berharap kehadiran monograf ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Saya yakin dokumen berharga ini akan menjadi rujukan dan panduan arah dan halatuju generasi muda kini. Saya berdoa semoga 'semangat kental' beliau dalam memperjuangkan Islam dan keadilan di Malaysia dapat dijadikan sumber inspirasi bagi mengukuhkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan rakyat.

Dr. Mohamad Nur Manuty
Mantan Presiden ABIM (1991-97)



JELASKAN WADAH PERBAHARU TEKAD

(PESANAN BUAT
GENERASI MUDA ISLAM)

KEPADA ALLah S.W.T. kami sembahkan kesyukuran kerana dengan izin-Nya jua dapat disempurnakan Mukhtamar ABIM ke-4 ini. Ucapan penghargaan kami aturkan kepada Pimpinan Pusat kerana menyelenggarakan Mukhtamar dengan memuaskan. Salam ukhuwwah kami tujukan kepada semua pendukung ABIM, terutamanya kepada yang turut menjayakan Mukhtamar bersejarah ini.

Kerinduan serta asyiknya kami agar dapat bersama-sama keluarga ABIM pada kesempatan ini tidaklah terlukis dengan kata. Terasa rugi kami kerana tidak berupaya hadir bersama mendengar teguran dan anjuran saudara-saudara dalam majlis *syura* kali ini.

(Ucapan Presiden ABIM di Mukhtamar Sanawi Keempat bertempat di Kolej Islam Klang pada 7 Disember 1975, yang dikirimkan dari Penjara Kemunting dan dibacakan oleh Almarhum Ustaz Fadhil Noor, Pemangku Presiden ABIM).

Dengan keyakinan ini dan atas kesedaran persaudaraan yang terjalin di antara kita, menjadikan ringan pahit-getir. Meskipun meringkuk di sini, setiap keluhan denyut nadi dan degup jantung sahabat, dirasakan bersama. Marilah kita pohonkan doa ke hadrat ALLah S.W.T. untuk meneguhkan iman kita, memantapkan pendirian kita dalam menempuh sebarang ujian daripada-Nya, sementara menghayun langkah berjuang di jalan-Nya.

“Ya Tuhan kami, cucurilah dari sisi-Mu kepada kami akan segala rahmat, dan tunjukkanlah petunjuk segala urusan-urusan kami. Ya Tuhan, ampunilah segala dosa kami dan kejahatan kami, luruskanlah pendirian kami, dan ikatkanlah hati-hati kami dan berikanlah kemenangan yang Engkau telah janjikan kepada kami.”

Tidak akan terdaya kami mengendalikan angkatan ini tanpa dorongan kuat dan bantuan rakan-rakan, apatah lagi dengan kelemahan dan kekurangan kami yang sedia termaklum. Alhamdulillah, kerana keghairahan berjuang, kita telah maju setahun lagi dalam memberi isi dan pengertian kepada wadah perjuangan kita. Namun begitu, kami masih merasa cemas kerana menginsafi bahawa terlalu banyak yang harus dilakukan sebelum kita melayakkan angkatan ini tergolong ke dalam rangkaian gerakan-gerakan Islam.

Mengingat Muktamar Lalu

Tatkala berucap kepada saudara-saudara sempena Muktamar tahun lalu, kami telah menekankan di antara lain, mengenai persiapan dan penyempurnaan program *usrah* dan *tamrin al-kader*, terutama dalam menghadapi

cabaran yang kian meningkat. Kita tidak mungkin menampung anggota pasif yang kekal pada nama, kerana keanggotaan dalam sesebuah gerakan Islam ialah secara amali, anggota yang dapat melambangkan ciri keislaman, satu keperibadian tersendiri sebagai pendukung agama yang unik. Kita perlu membulatkan usaha ke arah melaksanakan tugas berat ini dengan memperkuat ikatan ukhuwwah dan mencapai titik temu di kalangan aktivis Islam.

Telah begitu banyak perselisihan di antara pendukung Islam dalam soal-soal *furu'* dan permasalahan kecil. Perbezaan ini diambil kesempatan oleh penjajah dahulunya, dan sekarang oleh kelompok yang berkepentingan untuk mengadu domba di antara kita. Untuk mengelakkan daripada menjadi lemah akibat perselisihan kecil ini haruslah dipupuk persefahaman serta tasamuh (toleransi) yakni menerima perbezaan kecil dalam pendekatan yang dipilih. Sejarah Islam yang kaya itu mengajar kita untuk lebih murunah(fleksibel) dalam tindakan, sesuai dengan tahap perjuangan yang dilalui. Cuma yang pasti diyakinkan ialah supaya prinsip serta soal usul (pokok) tidak dikorbankan dan tindakan itu adalah ke arah kemantapan perjuangan.

Pastinya kita tidak akan menempuh sebarang kemuskilan dan hambatan seandainya *tasawwur* (*worldview*) Islam disempitkan. Kita wajar memahami bahawa penyempitan faham itu berlaku di zaman keruntuhan Islam dan dijana pula oleh penjajah. Di sebaliknya, manakala digerakkan agar Islam dihayati sebagai *ad-Din*; satu agama yang mencetuskan revolusi rohaniyyah dan peradaban yang lengkap, tegap berdiri atas prinsip *haq* dan *'adl* sebagai

raison d' etrenya; maka pada saat itulah kita akan dicabar dan ditentang.

Ancaman Penjajahan Yang Berterusan

Pada kesempatan ini, kami berhasrat untuk memanjangkan persoalan penjajahan dengan maksud menangkis serangan Barat dan tempiasan yang terpalit daripadanya. Kaum Muslimin perlu membersihkan pemikiran dan kebudayaan, bahkan seluruh kehidupan masyarakat daripada bencana bawaan penjajah. Ini adalah pra syarat yang harus berlaku sebelum dapat mengisi jiwa, fikiran, dan kehidupan mereka dengan cara hidup Islam.

Mungkin ada yang menempelak kita, kerana terus mengungkit keganasan dan kegagalan penjajah; pada hal menurut pandangan mereka, penjajah telah lama diusir keluar oleh rakyat. Dunia Islam sendiri pun telah berjaya membebaskan diri daripada belunggu penjajahan dengan jeritan kebebasan dan teriakan 'merdeka'.

Nasionalis dan elit politik baru yang mengambil tampuk pemerintahan menjanjikan kebebasan dan perubahan. Tegas mereka, kini adalah masa untuk bersikap **pragmatik**, mengisi kemerdekaan dan membangunkan negara. Usah dikeluhkan-kesahkan duka nestapa yang lalu, atau ditangisi keperitan hidup lama yang dideritai; tetapi, ayuh, mereka mengherdik arah, bergerak rakyat ke era gemilang dengan dasar dan pendekatan baru!


Slogan sedemikian memang menarik, mudah mempersona dan memukau. Tetapi dendang khayalan elit politik baru ini pasti tidak akan bertahan, kerana setelah

berdekad berlalu, kenyataannya masih hambar. Rakyat yang telah berhempas-pulas berjuang dengan harga darah dan air mata, belum menyaksikan pembentukan masyarakat yang berteraskan keadilan dan kesaksamaan. Makna kemerdekaan dan kebebasan tidak lebih daripada perubahan ketuanan politik lahiriyah sahaja, yakni peralihan kuasa elit penjajah dengan elit peribumi.

Justeru itu perlu dibezakan tanggapan kita dengan fahaman yang lazim diterima oleh nasionalis asuhan penjajah. Penjajahan ditolak di bibir, tetapi sikap, pemikiran dan falsafah hidup tetap digendong. Kecaman mereka terhadap penjajah hanya tertumpu kepada penguasaan negara asing. Di antara negara-negara Dunia Ketiga terdapat satu kecenderungan untuk senantiasia mengungkit pengabaian penjajah sebagai alasan kelembapan mereka. Makanya dasar penjajah yang menafikan hak rakyat, membelenggu pemikiran atau memungghah khazanah negara buat memperkaya segelintir elit penjajah, masih terus dilaksanakan.

Maka, kita bongkar kembali dasar dan rencana penjajah di negara-negara Dunia Ketiga, khususnya di negara-negara Islam kerana jenayah politik, ekonomi dan kebudayaan mereka, terutamanya terhadap Islam tidak pudar. Penguasa baru ini terus mengasingkan Islam daripada masyarakatnya dan menghilangkan maruah dan harga diri dikalangan umatnya atas nama 'modenisme' dan 'emansipasi!'; serta meneruskan pemerasan kekayaan dan penindasan ke atas rakyat.

Justeru itu kita perlu menyelidiki faktor yang mendorong kebencian melulu mereka terhadap Islam hingga ke inti persoalannya. Setiap langkah dan muslihat



mereka, harus dikenali untuk mengetahui cara mereka menyogokkan faham permusuhan tersebut sama ada secara terbuka dan berselindung.

Dalam bukunya *Islam at the Crossroads* yang sangat bernilai itu, Muhammad Asad (dahulunya Leopold Weiss) menerangkan bahawa permusuhan tersebut dilancarkan di bawah 'Bayang Salib'. Pertembungan Eropah dengan Islam ialah di peringkat 'Bayi Eropah', peringkat pembentukan dan penyatuan Eropah yang ulung dalam sejarah, terutama tatkala menghadapi Islam. Arakian, 'Eropah moden yang dilahirkan dalam semangat Salib' dengan konsep baru 'Peradaban Barat' sebagai gagasan mereka dalam menentang Islam.

Permusuhan tersebut diteruskan tanpa reda, satu serangan ganas yang didorong semata-mata oleh kerana prasangka buruk dan jahil. Mereka khatir kemungkinan munculnya satu angkatan Islam yang dianggap mereka sebagai 'Golongan Biadap' sepertimana yang diasuh oleh sebahagian para rahib Gereja itu; yang dipercayai akan mencabar dominasi mereka.

Sejak tersentak bangun daripada kebekuan oleh kemaraan tamadun Islam pada Abad Pertengahan, Eropah tidak dapat membebaskan diri daripada rasa terhina. Eropah juga menyedari akan kemampuan dan kegigihan cita-cita jihad kaum Muslimin dalam perjuangan mereka menentang penjajah pada zaman berikutnya. Malah Eropah dapat memperhitungkan kemungkinan bangkitnya semula kaum Muslimin membawa perubahan dan menentang kezaliman dan keangkuhan. Prasangka menebal itu juga mencetus kesangsian di kalangan mereka mengenai

keupayaan umat Islam membangun tamadun berdasarkan akhlak dan kehalusan budi, ketinggian ilmu apatah lagi dalam usaha menegakkan kebenaran dan keadilan.

Sebab itulah setelah mengalami kekosongan (*vacuum*) yang ditinggalkan oleh agama Kristian, mereka telah mula menjurus kepada faham kebendaan. Mereka anggap pemisahan agama daripada kehidupan harian (sekularisme) sebagai satu 'pembebasan'. Fenomena ini berlaku dalam sejarah Eropah tatkala mula menyaksikan pertembungan semasa Empayar Rome dengan kuasa Gereja. Ini berlanjutan sehingga ke abad 18. Akibat daripada pertembungan tersebut adalah pemisahan hampir mutlak di antara kuasa Ceasar dan Pope. 'render unto the things that are Ceasar's and unto God the thingsa that are God'. Pemisahan di antara agama dan negara inilah yang ditakrifkan sebagai faham sekular. Negara membangun termasuk elit di negara Islam meniru tafsiran ini tanpa memahami konteks sejarah Eropah serta rationale (alasan) mereka yang mendukung aliran pemikiran sekular tersebut.

Kegelisahan mereka cuba dicurahkan dalam mengejar sepenuhnya kemajuan benda tanpa memperhitungkan lagi nilai-nilai akhlak. Mereka mencatatkan perubahan demi perubahan, revolusi industri dan kemajuan perdagangan tanpa dapat mententeramkan nafsu mereka. Berlatar-belakangkan keadaan inilah maka satu serangan besar-besaran yang paling hebat dalam sejarah telah dilancarkan terhadap Islam dengan menjajah, memungghah kekayaan, meroboh rumah-rumah ibadat, dan memaksa penduduk tempatan memeluk agama mereka – agama yang hampir 'dikuburkan' di negara sendiri. Perampokan dan jenayah besar yang dilakukan masih cuba dipertahankan atas alasan

'beban kulit putih' (*white man's burden*) dan bagi sebahagiannya memenuhi maksud pengkristianan (Christianization).

Dunia Ketiga masih bergelut menentang pemerasan ekonomi serta penindasan terutamanya oleh negara-negara kaya Barat. Sidang-sidang antarabangsa seperti UNCTAD, ketetapan yang dikemukakan oleh Dunia Ketiga di Majlis Perhimpunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, atau badan-badan seperti Bank Dunia, AID, peranan syarikat Multi-national dan lain-lain sudah cukup untuk menunjukkan kurangnya keprihatinan serta kegagalan memahami masalah sebenar Dunia Ketiga. Di antara lain, ia melibatkan sistem perdagangan tempang yang dikuasai negara kaya dan masalah kemiskinan yang semakin berleluasa.

Walaupun begitu, masih terdapat banyak negara yang memberi keizinan dan menghargai sumbangan negara kaya serta syarikat-syarikat mereka hingga membisu terhadap pencabulan hak serta penindasan ke atas rakyat jelata.

Sekiranya terdapat sekalipun, ianya tidak lebih dari laungan bermusim terhadap pemerasan ke atas tenaga buruh. Mereka terus memejamkan mata dan memekakkan telinga terhadap keburukan yang dipaparkan, skandal-skandal besar yang melibatkan syarikat-syarikat tersebut dalam jenayah politik dan sosial dan kesan keruntuhan akhlak.

Hal ini semua tidak akan merisaukan mereka asalkan golongan kecil disekeliling penguasa atasan tetap segar dan kaya, sementara kegelisahan rakyat akan dibendung dan dikawal melalui undang-undang keras.

Perlu dijelaskan bahawa Islam tidak memerangi atau memihak kepada Barat atau Timur. Pertimbangan adalah isu nilai dan hak demi mencari keredhaan ALLah. Penentangan terhadap Barat hanya kerana sifat permusuhan dan muslihat mereka yang bermula dengan Perang Salib, penjajahan dan kini hegemoni ekonomi dan budaya.. Firman Allah yang bermaksud:

“Bukanlah kebajikan (ditentang) kamu menghadapkan mukamu ke arah Timur dan Barat; tetapi kebajikan ialah kebajikan orang yang beriman kepada ALLah, Hari Akhirat, Malaikat-malaikat, Kitab-kitab, Para Nabi dan memberikan harta yang dikasihinya kepada kerabatnya, anak-anak piatu, orang-orang miskin, orang yang terlantar dalam perjalanan, orang-orang yang meminta (menghajatkan pertolongan), untuk melepaskan dari perbudakan, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyempurnakan janji bila berjanji dan berteguh hati dalam kesengsaraan dan kemelaratan dan diwaktu perang. Merekalah orang yang bertaqwa.”

(al-Baqarah: 177)

Golongan Inteligentsia Warisan Penjajah

Penjajahan ‘methodological’ dan penjajahan kebudayaan yang diasak dengan tekunnya melalui sistem pendidikan sekular mereka. Di bidang inilah umat Islam hampir terlantar rebah kerana kejayaan penjajah menawan pemikiran dan jiwa Muslimin.

Intisari pendidikan tersebut ialah menghasilkan cerdik pandai Muslim yang dapat mewarisi sistem hidup Barat,

mengkagumi kebesaran dan kehebatan mereka, dan sebaliknya menganggap Islam sebagai agama ‘peribadi’ dan jumud. Bagi mereka, anak-anak peribumi dapat mengekalkan agama mereka secara ‘nominal’ pada nama sahaja tanpa *ruh ud-Din* dan *ruh ul-Jihad*. Dasar tersebut mungkin lantaran kedangkalan ilmu di kalangan peribumi terhadap agama sendiri; dan kegagalan menguasai ilmu sejarah dan agama masyarakat Eropah.

Dunia Islam kini melahirkan golongan inteligentsianya yang telah tercabut daripada akar tradisi dan tersisih daripada masyarakatnya. Merekalah jurucakap baru mempertahankan nilai murni Barat (biasanya dengan sedikit-sedikit variasi, pindaan supaya sesuai dengan iklim tempatan!); jaguh dan laskar penjajah bentuk baru yang ternyata lebih berkesan. Dengan angkuh mereka berani mencemuh Islam, memadamkan *nur* Islam, mematahkan tunas Islam dan menari menurut lenggok dan rentak gendang yang dipalu oleh penjajah dan guru sarjana orientalis. Di rantau kita, khususnya kepulauan Melayu, agenda tersebut terus dilancarkan. Stamford Raffles, menyarankan agar kalangan yang terdidik mampu berfikir menurut acuan penjajah Inggeris. Di Indonesia, *Dasar Etika* (1900) serta peranan Snouck Hurgronje amat ketara dalam usaha menawan pemikiran dan budaya peribumi agar menjadi ‘Belanda’ di samping mematahkan landasan kekuatan Islam di kalangan ulama. Kajian beliau secara mendalam, termasuk di Mekah dapat ditekuni dalam dua karya penting beliau iaitu *Mecca in The Later Part 1* dan *The Achenese*.

Izinkan saya mengulangi rumusan Sheikh Muhammad al-Ghazali mengenai ‘isti’mar ruhi wa fikri –

penjajahan pemikiran dan jiwa di kalangan elit Muslimin. Filasuf Malek ben Nabi malah menyimpulkan dengan istilah '*colonosibilite*' : kejayaan penjajah menawan pemikiran elit, sehingga terjadi kesediaan mereka menerima faham penjajah. Ini bermakna, penjajah diusir secara fizikal, namun pengaruh pemikiran penjajah diteruskan tanpa soal.

Kini, kecaman terhadap Islam dan penganut-penganutnya sebagai fanatik, jumud, pelampau, fatalis dan usang tidak lagi perlu dilemparkan oleh penjajah akan tetapi oleh murid-murid mereka yang setia di kalangan peribumi. Merekalah yang cuba meyakinkan umat Islam bahawa mereka ketinggalan zaman dan terkebelakang kerana agama mereka. Tanggapan ini telah disanggah oleh Amir Shakib Arsalan pada tahun 1930-an lagi (terjemahan Munawar Chalil, *Mengapa Kaum Muslimin Mundur Dan Mengapa Kaum Selain Mereka Maju?*). Beliau merumuskan kemunduran umat adalah lantaran tersisih daripada roh, ilmu dan amalah Islam dan bukan sebaliknya.

Pendekatan elit dan penguasa politik juga sering berubah mengikut tahap kesedaran rakyat. Manakala kesedaran umat semakin meningkat, maka para penguasa turut mengumandangkan label Islam. Mereka menginginkan perpaduan Islam tetapi syariat hanya di bibir. Kuasa digunakan dengan seenaknya untuk kepentingan diri dan puak, kemungkar dan maksiat berleluasa, dan kezaliman bermaharajalela. Pokoknya Islam yang ingin diketengahkan adalah Islam versi mereka yang akan dapat memperteguhkan kuasa dan bukannya menebalkan ketidakadilan. Almarhum Dr. Burhanuddin al-Helmy pernah berpesan agar kita waspada dengan kata-kata manis



SDR. ANWAR IBRAHIM adalah tokoh muda yang memelopori Gerakan Islam di Malaysia. Bermula dengan bergiat dalam Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (PBMUM) pada tahun 1967-1970, beliau mengorak langkah menubuhkan ABIM pada tahun 1971, bermula dengan jawatan Setiausaha Agung dan kemudian dipilih sebagai Presiden (1974-81). Beliau terlibat memimpin Demostrasi Baling 1974 dan kemudian ditahan di bawah ISA di Penjara Kemunting selama 2 tahun. Perjuangannya kemudian diteruskan dalam bidang politik apabila beliau menyertai UMNO pada 29 Mac 1982. Beliau melonjak dengan cepat sehingga dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO (1994) dan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri (1996). Pada 2 September 1998, beliau dipecat oleh Dr. Mahathir atas tuduhan salah-laku moral dan kemudian ditahan di bawah ISA dan kemudian dipenjarakan di Penjara Sg. Buloh (1999-2004). Apabila dibebaskan, beliau terus aktif dalam politik pembangkang dan Pakatan Rakyat Berjaya menafikan majoriti 2/3 Barisan Nasional pada tahun 2008. Kini bertindak sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen.

Siri Monograf Dakwah 1 ini adalah usaha untuk mengetengahkan semula idea-idea penting dalam perkembangan dakwah dan gerakan Islam di Malaysia. Ucapan Dasar pertama selaku Presiden ABIM ini dikirimkan oleh Sdr. Anwar Ibrahim dari Penjara Kemunting dan dibacakan oleh Almarhum Ustaz Fadzil Noor, pemangku Presiden ABIM pada tahun 1975. Pandangan-pandangan beliau yang ketika itu hanya berumur 28 tahun cukup bermakna dan masih relevan untuk diteliti dan dihayati oleh generasi muda Islam hari ini, khususnya bagi para pendukung gerakan Islam.

PENERBIT BERSAMA



SEBUAH PENERBITAN

IKDAS
Islamika



Semenanjung : RM 10.00
Sabah/Sarawak : RM 11.00

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATSIAN
KEPIMPINAN
PERDANA